

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN & UKUR  
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH


Adalah disyorkan bahawa tesis ini yang disediakan oleh

AHMAD FAUDZI BIN ABD. MAJID

bertajuk PERANCANGAN PENYEDIAAN RUANGNIAGA DALAM  
KONTEKS HIRAKI BANDAR DAN KONSEP PERBANDARAN PAHANG  
TENGGARA. KES KAJIAN: BANDAR MUADZAM SHAH.

dibawah penyeliaan saya/kami diterima sebagai memenuhi  
sebahagian dari syarat untuk Diploma Lanjutan Perancang  
Bandar dan Wilayah.

Diluluskan oleh:

  
( PUAN NOORHADJAR ISKANDAR )  
PENYELIA UTAMA

11 hb Mei 1983.

(  
PENYELIA MADYA  
)

PERANCANGAN PENYEDIAAN RUANGNIAGA DALAM  
KONTEKS HIRAKI BANDAR DAN KONSEP  
PERBANDARAN PAHANG TENGGARA  
KES KAJIAN  
BANDAR MUADZAM SHAH

OLEH

AHMAD FAUDZI BIN ABD. MAJID

Satu Tesis Yang Disediakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Dari Syarat Untuk  
Penganugerahan

DIPLOMA LANJUTAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH  
KAJIAN SENIBINA, PERANCANG DAN UKUR  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

April 1983

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada PUAN NOORHADJAR ISKANDAR selaku penyelia tesis ini di atas kerjasama, dorongan, nasihat dan tunjuk ajar yang beliau berikan untuk menyiapkan kajian ini.

Rasa penghargaan dan terima kasih juga ditunjukkan kepada orang-orang perseorangan, Jabatan-Jabatan dan semua pihak yang telah berkerjasama dengan baik membantu menyediakan maklumat-maklumat atau apa jua jenis bantuan untuk tujuan menjayakan kajian ini. Berikut ini adalah mereka-mereka yang dimaksudkan:-

1. Puan Wan Habibah bt. Hj. Wan Abdullah,  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan DARA, Kuantan.
2. En. Ghani bin Salleh  
Bekas Timbalan Dekan Akademik, IITM, Shah Alam.
3. En. Mohd Mustaffa bin Ahmad,  
Pegawai Perancang Bandar, Lembaga Kemajuan  
Negeri Pahang, Kuantan.
4. Puan Robethoh bt. Hashim,  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pelaburan  
dan Penggalakkan DARA, Kuantan.

ISI KANDUNGANMUKA SURAT

PENGHARGAAN	(i)
ISI KANDUNGAN	(iii)
SENARAI JADUAL	(ix)
SENARAI PELAN	(xii)
SENARAI RAJAH	(xiii)
BAB I : <u>PENDAHULUAN</u>	1
1.1 PENGENALAN	1
1.2 RUMUSAN MASALAH	3
1.3 KENYATAAN MASALAH	7
1.4 HIPOTESIS	8
1.4.1 Hipotesis Am	8
1.4.2 Hipotesis Kerja	8
1.5 PENGKAEDAHAN KAJIAN	9
1.5.1 Pendekatan Kajian	9
1.5.2 Bidang Kajian	9
1.5.3 Soal selidik	12
1.6 PEMBatasan KAJIAN	13

## BAB PERTAMA

### 1.0 PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Sebagai sebuah Lembaga Pembangunan Wilayah yang mula ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah Akta Parlimen 68/72, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) pada asalnya ditugaskan untuk membina 36 buah bandar berdasarkan cadangan dari Pelan Induknya<sup>1</sup>. Mengikut kajian semula DARA tahun 1981, jumlah bandar-bandar baru telah dikurangkan menjadi 30 buah sahaja yang akan dibina hingga ke tahun 1990. Tiap-tiap bandar mempunyai kawasan hinterlandnya sendiri dan menggunakan konsep perbandaran secara tertumpu sepertimana yang dicadangkan oleh Pelan Induk.

Pada masa-masa yang lepas pembangunan di wilayah DARA ini, tumpuan hanyalah diberi untuk memajukan tanah-tanah dan memberi hak milik tanah (land alienation) tanpa menyedari akan perlunya dikaji perkaitan antara bandar-bandar itu akan berpengaruh sesama sendiri dari segi pengaruh terhadap penyediaan perniagaan dan perdagangan mahupun kemudahan-kemudahan sosial.

---

1. Foundation of Canada Engineering Corp Ltd: Pahang Tenggara Regional Masterplanning Study, Settlements and Infrastructure, M.S 108.